

16/11/1997

Pahang bentang usul sokong PM

Shariffudin Mohamed

KUANTAN: Pahang menjadi negeri pertama membawa usul menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN).

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, dijangka membentangkan usul itu dalam sidang DUN Pahang yang bermula esok.

Menurutnya, beliau berbuat demikian bagi membuktikan Dr Mahathir tetap mendapat sokongan padu kerajaan negeri dan rakyat Pahang dalam menghadapi percubaan 34 ahli Kongres Amerika Syarikat (AS) mendesak Perdana Menteri meletakkan jawatan.

"Kita akan membentangkan usul itu bagi memaklumkan kepada dunia luar, terutama ahli kongres AS berkenaan bahawa semua pihak di negara ini menyokong penuh Dr Mahathir.

"Ini juga selaras dengan usaha membentangkan usul memberi sokongan kepada Dr Mahathir dalam sidang tergepar Dewan Rakyat, tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Bandar Damansara Kuantan (BDK) di Jalan Gambang-Pelabuhan Kuantan, yang bernilai RM1.3 bilion, di sini, semalam.

BDK yang dibangunkan di kawasan seluas 800 hektar menerusi beberapa fasa selama 15 tahun, dimajukan oleh Damansara Realty Berhad, anak syarikat Kumpulan Perbadanan Johor.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Perbadanan Johor, Datuk Muhammad Ali Hashim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Mahkota, Ti Lian Ker dan ketua jabatan.

Mohd Khalil berkata, beliau menyokong kenyataan seorang pegawai Jabatan Negara AS yang menyifatkan tindakan ahli kongres AS itu sebagai tidak produktif seperti dilaporkan dalam akhbar semalam.

"Saya berpendapat sekiranya ahli kongres AS itu mengetahui latar belakang serta dasar luar Malaysia, mereka sudah tentu tidak membuat usul meminta Dr Mahathir meletakkan jawatan.

"Dasar luar negara ini tidak menggambarkan kita anti yahudi," katanya.

Sementara itu, mengulas perkara yang sama, Fauzi berkata, Malaysia adalah satu-satunya negara Islam membuka pintu kepada rakyat Israel, sekali gus menunjukkan kerajaan bukan anti yahudi.

"Contohnya, pelajar Israel dan pasukan kriket negara itu pernah datang ke Malaysia, baru-baru ini, dengan kebenaran kerajaan," katanya.

(END)